

LATIHAN KATA PERINTAH

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. _____lah menangis lagi, Amirah. Saya pasti adik awak akan selamat.

A Tolong B Harap C Minta D Usah

2. "_____basuh sayur-sayuran di atas sinki itu," kata Ibu.

A Jangan B Tolong C Harap D Sila

3. "_____lengkapkan borang ini dengan butir-butir peribadi," kata kerani itu.

A Harap B Minta C Usah D Sila

4. "_____makan kuih itu, kawan-kawan," kata Mei Fong.

A Sila B Usah C Minta D Tolong

5. _____kita akan dapat berjumpa lagi pada masa akan datang.

A Jangan B Jemput C Harap D Sila

6. "_____membimbang pasal yuran sekolah kamu. Ayah akan menyelesaikan masalah ini," kata Encik Halim.

A Tolong B Minta C Usah D Sila

7. "_____semua calon SPM membaca soalan dengan teliti," kata Ketua Pengawas itu.

A Jemput B Jangan C Usah D Minta

8. "_____berikan wang ini kepada kakak awak," kata Ika.

A Sila B Harap C Tolong D Jemput

9. "_____lah duduk, datuk. Nanti saya ambikan air," kata Mastura.

A Tolong B Sila C Jangan D Minta

10. "_____sepak tong sampah itu," kata emak kepada budak itu.

A Tolong B Sila C Harap D Jangan

11. "_____lah kamu kenangkan lagi peristiwa itu, Bernard," kata Mamat.

A Tolong B Jangan C Usah D Sila

12. "Azmi,_____ambilkan ibu serai," pinta ibu.

A usah B tolong C jangan D harap

13. Kalau datang ke Kuala Selangor, _____lah ke rumah saya.

A jemput B mari C tolong D usah

14. _____biarkan makanan terdedah, nanti akan dihinggapi lalat.

A Tolong B Harap C Jangan D Minta

15. _____beratur semasa hendak membeli di kedai koperasi sekolah.

A Sila B Jangan C Usah D Tolong

16. "Salmi, _____dibuat perkara yang tidak berfaedah itu," jerit bapa.

A jemput B sila C usah D tolong

17. _____merokok ketika berada di dalam kawasan sekolah.

A Jangan B Tolong C Sila D Harap

18. "_____sampaikan hadiah ini kepada kakak kamu," kata Maznah kepada Nora.

A Sila B Jangan C Tolong D Usah

19. _____lah rasa kuih yang saya hidangkan ini

A Jangan B Sila C Tolong D Harap

20. Saya_____kamu dapat datang ke majlis perkahwinan pada Jumaat nanti.

A tolong B minta C usah D harap